

21 MAY 2003

Pakej-Reaksi (Pelancongan)

UNIT KHAS DITUBUH BANTU PENGUSAHA PELANCONGAN HADAPI MASALAH

Oleh: Harlina Samson

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan menubuhkan satu unit khas bagi membantu para pengusaha pelancongan yang menghadapi masalah penyusunan dan penjadualan semula pinjaman dan kemudahan kredit dengan institusi kewangan dan perbankan.

Menteri berkenaan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata unit yang diwujudkan serta merta itu bertujuan memastikan institusi perbankan melaksanakan segera keputusan yang diambil kerajaan.

"Saya cuma bimbang...kalau ikut pengalaman yang sudah-sudah, walaupun keputusan telah dibuat kerajaan tapi pihak bank melengah-lengah untuk melaksanakannya (langkah yang diambil).

"Saya sendiri akan memantau perkara ini," katanya ketika dihubungi berikutan pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung pakej strategi baru untuk memantapkan pertumbuhan ekonomi negara.

Pakej itu turut menggariskan langkah-langkah spesifik untuk membantu sektor perhotelan dan pelancongan yang terjejas teruk akibat keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu dan kesan wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

Abdul Kadir berkata dua langkah paling berkesan dalam industri pelancongan itu ialah langkah kerajaan melalui Bank Negara Malaysia menyediakan kemudahan jaminan bantuan khas berjumlah RM1 bilion terutamanya untuk modal kerja bagi membantu pengurusan aliran tunai pengusaha di sektor pelancongan.

Keduanya, pengusaha industri pelancongan juga menerima manfaat apabila institusi perbankan menyediakan kemudahan melalui Skim Penyusunan dan Penjadualan Semula Pinjaman (SPPSP) bagi semua jenis pinjaman dan kemudahan kredit.

Beliau, bagaimanapun, berkata syarikat dan pengusaha pelancongan hendaklah terlebih dahulu berhubung dan berbincang dengan institusi perbankan masing-masing bagi menyusun dan menjadualkan semula pinjaman mereka.

Hanya apabila ada masalah, barulah syarikat dan pengusaha pelancongan menghubungi unit khas berkenaan bagi membolehkan kementerian campurtangan, katanya.

Mengenai usaha menggiatkan pelancongan domestik, Abdul Kadir berkata keyakinan rakyat kini semakin pulih terutamanya dalam program Cuti-Cuti Malaysia.

-- BERNAMA

HS AZZ MOZ